

Jenis Akhbar : Kosmo

Tarikh : 01/07/2022

Edisi / Muka Surat : Nasional (06)

Tajuk : ANGKASA Jalin Hubungan Kerjasama Dua Hala Dengan Kemboja



ABDUL FATTAH (tengah) bersama Menteri Kanan Kemboja, Okhnya Datuk Dr Othman semasa sidang media semalam.

Angkasa jalin hubungan kerjasama dua hala dengan Kemboja

PETALING JAYA – Usaha sama dua hala dilakukan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) dengan Kemboja untuk meningkatkan perolehan gerakan koperasi antara kedua-dua negara.

Presiden Angkasa merangkap Presiden ASEAN Co-operative Organization (ACO), Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah berkata, hasrat tersebut telah disuarakan beliau dalam satu pertemuan bersemuka pertama bersama Menteri Kanan Kemboja, Okhnya Datuk Dr Othman semalam.

"Saya berharap kehadiran Menteri Kanan Kemboja hari ini (semalam) dapat bersama-sama mengerakkan ASEAN. Ini kerana, ASEAN sudah memiliki 300,000 unit koperasi dan mempunyai 66 juta ahli koperasi.

"Kemboja merupakan pegerusi ASEAN untuk tahun ini. Kami juga telah usulkan beberapa isu kepada Kemboja mengenai koperasi ASEAN supaya masyarakat jelas dengan

peranan koperasi. Koperasi juga melibatkan semua sektor bukan semata-mata sektor pertanian," katanya pada sidang akhbar semalam.

Mengulas lanjut, Abdul Fattah berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sudah memberi arahan kepada ACO untuk membantu masalah sekuriti makanan di Malaysia.

"Usaha ini adalah untuk membantu menangani masalah yang sedang dihadapi negara. ACO juga akan bekerjasama dengan pihak koperasi di Kemboja untuk membantu keperluan di Malaysia.

"Kita juga mencadangkan kepada kerajaan untuk meluaskan sektor pertanian seperti menanam jagung di Kemboja memandangkan semua makanan di Malaysia seperti cili dan bawang diimport dari negara lain," katanya.

Katanya, jalinan kerjasama antara dua negara ini juga adalah bagi memperluas akses koperasi dan sektor pertanian di kedua-dua negara.